

GARY  
HOO



## Gary Hoo dilantik CEO baharu AIA General

**PETALING JAYA** – AIA General Berhad (AIA General), sebuah anak syarikat AIA Bhd. mengumumkan pelantikan Gary Hoo sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) baharunya berkuatkuasa 15 Disember lalu.

Gary menggantikan Eric Chang yang memegang jawatan baharu sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Perkongsian Platform Digital di AIA Group.

"Beliau bertanggungjawab mengukuhkan lagi kedudukan

syarikat tersebut dalam arena insurans am dengan kepimpinan strategik dan menyelia pelaksanaan operasi harian serta memastikan pertumbuhan yang berterusan dan kemampanan syarikat tersebut," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan baru-baru ini.

Gary juga bertanggungjawab terhadap usaha transformasi digital terbaharu AIA General yang telah membawa kepada beberapa perjanjian kerjasama dan

pengenalan pelbagai penyelesaian insurans digital baharu.

Sebelum pelantikan ini, Gary memegang jawatan Ketua Perniagaan Konvensional dan Aktuari Dilantik, AIA General Berhad (AIA General).

Sepanjang tempoh perkhidmatannya selama empat tahun setengah, beliau telah meraih pelbagai pencapaian di syarikat tersebut.

Antaranya termasuklah mengetuai pemisahan pegangan

lesen dan pembentukan AIA General sebagai sebuah entiti baharu dalam kumpulan syarikat AIA Malaysia pada tahun 2018 serta melancarkan produk-produk insurans utama (*flagship*) AIA untuk kemalangan diri, kenderaan dan kebakaran.

Beliau berpengalaman selama 19 tahun dalam bidang aktuari, menjangkau spektrum penuh rekaan dan penentuan harga produk, penilaian serta nasihat dan rundingan insurans am.